

## KEUPAYAAN BACAAN AL-QUR'AN DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT: KAJIAN DI BEBERAPA BUAH SEKOLAH MENENGAH TERPILIH DI NEGERI TERENGGANU

Oleh:

Mohd Yakub @ Zulkifli bin Haji Mohd Yusoff\* dan Saidi bin Mohd\*\*

### Abstract

*This study was conducted among 320 form four students from ten selected national secondary schools in Terengganu. They are Malay Muslim students male and female of Science and Arts streams from various social backgrounds. The main purpose of this study is to find out the overall Quranic recitation ability of the students and the standard of their reading based on the rules of Quranic recitation. The research is also to investigate whether there is any difference in the ability level of Quranic recitation among the researched students as viewed from their streams, sex, school location and socio economy status. Apart from that, the research also attempts at searching the relationship between the ability to read jawi (Malay Arabic transcript) with the ability to recite Quranic among. Two instruments are employed to test the ability to read jawi and ability to recite the Qur'an. The data collected were statistically analysed using SPSS (Statistical Package For Social Science) version 11.5. T-Test, Anova and correlation analysis were used to interpret the data and to prove the hypotheses. The analysis discovers problems*

---

\* Profesor di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

\*\* Pensyarah di Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Perguruan Kuala Terengganu.

*and weaknesses in the ability to recite the Qur'an among the students: 0.6% are at poor level while 38.1% at very poor level. The subjects' ability to recite the Qur'an is satisfactory. The study discovers that there are relationship between the difficulties and differences in reciting the Qur'an and the subjects' sex, school location and socio-economic status, however, there are no relationships between the difficulties and differences and the students' streams. Meanwhile, the correlation test shows that there are positive relationship between the ability to read jawi and the ability to recite the Qur'an. A general conclusion can be drawn that the students' ability to apply the rules of Quranic recitation is merely satisfactory. This indicates that the students' ability in Quranic recitation does not come to a required good standard. This problem needs attention and proper action from the relevant authorities as weaknesses in reading the Quranic would result in failure in Islamic subjects as a whole.*

## **Pendahuluan**

Agama Islam menuntut umatnya membaca al-Qur'an dan mempelajari kandungannya.(73:20, 17:45, 17:106, 73:13). Membaca al-Qur'an dituntut kerana di antara hikmat al-Qur'an diturunkan adalah untuk dibaca, ditadabbur, dihayati dan diamalkan. Al-Qur'an adalah setinggi-tinggi anugerah yang Allah kurniakan kepada hambaNya. Ia adalah satu mukjizat abadi yang membuktikan kebenaran dan kekuatan pengaruhnya. Ia tetap menjadi perlembagaan abadi sepanjang zaman sesuai untuk mengatur hal-hal kehidupan manusia pada semua masa dan tempat. Isi kandungannya yang mencakupi semua aspek kehidupan manusia adalah panduan dan pegangan insan dalam menjalani kehidupan dunia yang menjadi jambatan ke akhirat. Keajaiban dan kehalusan bahasanya tidak luput dan ianya tidak jemu dibaca walaupun diulang-ulang.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Ab Raof Dalip (1988), Seminar Nilai-Nilai Murni Merentas Kurikulum Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. 3-4 Dis, Anjuran Fakulti Pendidikan, UKM.

Membaca al-Qur'an dengan betul dari segi tajwid dan makhrajnya supaya tidak terpesong pengertiannya menjadi tuntutan agama ke atas orang Islam kerana membaca al-Qur'an dapat membentuk akidah dan akhlak individu.<sup>2</sup> Membaca al-Qur'an juga menjadi suatu ibadah yang diberi pahala oleh Allah kepada pembacanya jika dibaca dengan sebutan yang betul dan mengikut kaedah bacaan dan mengikut tajwid.<sup>3</sup> Membaca al-Qur'an dengan betul penting untuk menentukan ibadah yang dilakukan sah atau tidak sah. Oleh itu mempelajari dan membaca al-Qur'an mestilah secara *mushāfahah* iaitu diterima dari mulut ke mulut, seperti Rasulullah S.A.W. menerima al-Qur'an dari Jibril. A.S.<sup>4</sup>

Membaca al-Qur'an sangat digalakkan kepada umat Islam sehinggakan setiap huruf yang dibaca akan diberi sepuluh kebaikan.<sup>5</sup> Pahala pembaca al-Qur'an bukan sahaja diberi kepada mereka yang membacanya tetapi juga diberi kepada pendengarnya. (7:204). Sebaliknya kegagalan membaca al-Qur'an dengan baik dan sempurna membawa kesan yang buruk terhadap individu muslim. Antara kesan buruk akibat tidak mempelajari cara atau kaedah membaca al-Qur'an dan tafsir ialah:

1. Tidak sah solat dan tidak sempurna ibadah-ibadah yang lain yang melibatkan bacaan al-Qur'an.
2. Menjadi malas dan tidak berminat untuk mengerjakan ibadah kepada Allah.
3. Tidak memahami akan hukum-hukum yang diterangkan dalam al-Qur'an.
4. Hidup tidak mempunyai matlamat yang jelas.

Berdasarkan fenomena-fenomena yang telah berlaku ke atas umat Islam kini maka eloklah kita kembali kepada mempelajari al-Qur'an

---

<sup>2</sup> Abdul Halim El-Muhammady (1991). *Pendidikan Islam, Falsafah disiplin dan Peranan Pendidik*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Salam, h.9.

<sup>3</sup> Mohd Ali Bakar (1991), *Seni lagu al-Quran*, Kuala Lumpur: Darul Fikr, h.12.

<sup>4</sup> Abdul Halim el-Muhammadi, *op.cit.*, h. 93.

<sup>5</sup> Sunan Tirmidhi: *Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān*, no bab 16, no Hadis 2910, Juzuk 5, h.175.

dengan membaca al-Qur'an dan memahami pengertian ayat-ayat di dalamnya serta mengamalkan suruhan al-Qur'an dengan penuh keikhlasan. Sikap tidak suka membaca al-Qur'an merupakan satu kerugian yang besar kerana al-Qur'an adalah panduan dan pedoman di dalam segala bidang kehidupan kerana kehidupan yang tidak berpandukan kebenaran al-Qur'an akan terus menderita dilanda berbagai-bagai masalah yang semakin hari semakin parah.

### **Pernyataan Masalah**

Kajian ini bertitik tolak daripada masalah besar yang melibatkan kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran membaca al-Qur'an. Ia berfokus kepada ketidakupayaan mereka menguasai tahap kemahiran membaca al-Qur'an yang bertepatan dengan kaedah *tajwīd*, *makhraj*, *sifat* dan *faṣāḥah* yang baik. Masalah inilah yang sebenarnya dihadapi oleh pelajar baik di Sekolah, Kolej, atau Institusi-Institusi pengajian. Di sekolah masih ramai pelajar yang didapati tidak berkeupayaan membaca al-Qur'an dengan baik walau pun mereka telah melalui enam tahun pembelajaran di sekolah rendah.

Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (1986), dalam kajiannya melaporkan masih ada murid-murid lepasan sekolah rendah tidak tahu membaca al-Qur'an, tidak tahu menulis jawi, tidak tahu mengerjakan ibadat sembahyang dan tidak dapat menunjukkan akhlak yang baik. Jemaah Nazir Sekolah-Sekolah Persekutuan (1992)<sup>6</sup> juga melaporkan bahawa masih terdapat pelajar yang menduduki tingkatan satu di sekolah-sekolah menengah tidak tahu membaca al-Qur'an.

Laporan-laporan tersebut telah disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Madihah Hj Mohamad (1992),<sup>7</sup> Maimunah Ismail

<sup>6</sup> Jemaah Nazir Persekutuan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992), *Laporan Sekolah-Sekolah Persekutuan*, (Laporan Jemaah Nazir Persekutuan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur).

<sup>7</sup> Madihah Haji Muhamad (1992), *Pembelajaran al-Quran Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Di Daerah Kuala Terengganu*, Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.

(1995)<sup>8</sup> Ahmad Abdul Ghani (1997),<sup>9</sup> Mohd Yusuf Ahmad (1997)<sup>10</sup> Farehan bt Mohd Hani (2000),<sup>11</sup> dan Siti Fatimah bt Sudin (2000).<sup>12</sup> Dapatkan kajian mereka dapatlah dirumuskan seperti berikut:

1. Pelajar kurang lancar membaca al-Qur'an
2. Pelajar kurang menghayati hukum-hukum *tajwid*
3. Pelajar lemah atau sukar menyebut *makhraj* huruf
4. Pelajar lemah tulisan jawi

Walaupun sudah ada usaha-usaha untuk mengatasi kelemahan ini, tetapi ia didapati terus berlanjutan. Pengkaji melihat kelemahan yang berlaku di kalangan pelajar seperti ini, bukan perkara baru malah ia telah menjadi faktor utama yang menjejaskan prestasi pelajar sejak sekian lama. Ketidakeupayaan pelajar menguasai kemahiran ini, telah menyebabkan mereka kecundang dalam mempelajari Pendidikan Islam keseluruhannya.

Oleh itu kajian ini dilakukan untuk melihat:

- a. Apakah tahap keupayaan bacaan al-Qur'an di kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah kini secara keseluruhannya ?

---

<sup>8</sup> Maimunah Ismail (1995), *Kemahiran Membaca al-Quran Di Kalangan Pelajar Tingkatan Satu Di Sebuah Sekolah Di Daerah Gombak: Satu Kajian kes*, Tesis Sarjana Universiti Malaya.

<sup>9</sup> Ahmad Abdul Ghani (1997), *Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*, Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

<sup>10</sup> Mohd Yusuf Ahmad (1997), *Laporan Kajian Penguasaan Tilawah al-Quran di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Untuk IRPA*, Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

<sup>11</sup> Farehan bt Mohd Hani (2000), *Kemahiran Membaca Nun Sakinah di kalangan Pelajar Tingkatan 3 di sebuah sekolah Menengah di Daerah Petaling*, Tesis Masters UM.

<sup>12</sup> Siti Fatimah Sudin (2002), *Pembacaan al-Quran Di Kalangan Mahasiswa Melayu: Suatu Kajian Di UiTM Shah Alam*, Tesis Master, Akademi Islam Universiti Malaya.

- b. Apakah tahap keupayaan bacaan al-Qur'an di kalangan pelajar tingkatan empat berdasarkan *faṣāḥah*, hukum *nūn sākinah*, hukum *mad*, hukum *mīm sākinah*, hukum *wājib al-ghunnah* dan hukum *alīf lām*?
- c. Adakah terdapat perbezaan tahap keupayaan bacaan al-Qur'an di kalangan pelajar tingkatan empat berdasarkan aliran, jantina, tahap sosioekonomi, dan lokasi sekolah ?
- d. Apakah tahap kemahiran jawi di kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah kini secara keseluruhannya?
- e. Adakah terdapat hubungan antara kemahiran jawi dengan tahap keupayaan bacaan al-Qur'an di kalangan pelajar tingkatan empat ?

Daripada hasil kajian ini nanti dipercayai dapat didedahkan pelbagai bentuk kelemahan yang selama ini membelenggu para pelajar. Pengkaji berharap satu pendekatan baru yang lebih sempurna perlu diambil dan dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini amat penting untuk diamati oleh pihak-pihak tertentu di Kementerian Pendidikan terutama yang melibatkan Bahagian Latihan Guru, EPRD dan Bahagian Kurikulum. Hasil dapatan yang bakal diperolehi nanti mungkin dapat merangsangkan sektor berkenaan untuk merancang kurikulum Pendidikan Islam yang benar-benar mampu mempertingkatkan keupayaan pelajar dalam bacaan al-Qur'an.

Kajian ini juga sama ada secara langsung atau tidak langsung dapat memberi pendedahan dan gambaran sebenar tentang tahap keupayaan sebenar bacaan al-Qur'an pelajar di kalangan guru di sekolah atau pensyarah-pensyarah di maktab-maktab perguruan. Pelbagai maklumat yang melibatkan tugas dan tanggungjawab mereka di sekolah dijangka dapat memberi kesedaran kepada mereka dan daripada maklumat yang diperolehi itu mereka diharap akan berusaha lebih kuat untuk memperbaiki kelemahan sendiri dalam bidang tersebut. Usaha seperti ini sudah tentu dapat dimanfaatkan sepenuhnya kepada para pelajar.

Kepada pihak sekolah, hasil kajian ini diharapkan akan membolehkan pihak berkenaan mengenal pasti prestasi dan tahap penguasaan bacaan al-Qur'an pelajar secara lebih dekat, mengesan kelemahan dan kerumitan serta mengenal pasti masalah yang selama ini membelenggu pelajar. Melalui pendedahan dan maklumat yang diperolehi pihak sekolah boleh melihat keadaan sebenar yang berlaku di sekolah dan tentunya dapat membantu pentadbir sekolah merancang dan mengemaskini pelbagai keperluan dan kemudahan kepada pelajar. Kajian ini juga boleh membantu pihak sekolah melakukan gerak gempur untuk meningkatkan minat membaca al-Qur'an. Seterusnya guru-guru yang berkaitan diberikan latihan-latihan dan kemahiran dari semasa ke semasa agar dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih yakin dan sempurna. Kepada pelajar-pelajar pula kajian ini dapat membantu mereka mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong atau merangsang serta menghalang pencapaian mereka dalam aspek bacaan al-Qur'an seterusnya berusaha membuat latihan dan aktiviti yang dapat meningkatkan prestasi bacaan mereka dari masa ke semasa.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan di Negeri Terengganu yang melibatkan kawasan bandar dan luar bandar. Sekolah-Sekolah yang terlibat dalam kajian ini hanyalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sahaja tidak termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Sains dan Sekolah Menengah Teknik. Sebanyak empat buah sekolah bandar dan empat buah sekolah luar bandar dipilih dalam kajian ini. Subjek kajian melibatkan pelajar melayu Islam dari aliran sains dan sastera yang datang dari pelbagai tahap sosio-ekonomi. Tujuan kajian ini dibuat ialah untuk meninjau tahap keupayaan bacaan al-Qur'an mereka berdasarkan sukatan pelajaran tilawah al-Qur'an tingkatan empat.

Satu set soal selidik dan dua jenis teks dijadikan bahan ujian dalam kajian ini. Teks tersebut ialah teks ayat-ayat al-Qur'an yang dipetik dari surah yang terpilih dan teks jawi yang dipetik dari buku teks Pendidikan Islam Tingkatan empat. Mereka dikehendaki membaca atau menulis petikan-petikan tersebut dan skor akan diberi berdasarkan ketepatan


bacaan atau tulisan teks tersebut berdasarkan skema pemarkahan yang telah ditetapkan. Keseluruhan ujian menekankan aspek kebolehan membaca dan menyebut teks yang disediakan.

### Model Konseptual Kajian

Bagi memperlihatkan perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah bersandar dan tidak bersandar dan seterusnya memperlihatkan bagaimana kajian ini akan dilakukan, pengkaji telah menetapkan model konseptual bagi kajian ini adalah berdasarkan model Dunkin dan Biddle (1974).<sup>13</sup> Mereka telah membahagikan pembolehubah-pembolehubah kepada empat kumpulan iaitu proses, petanda, konteks, dan hasil. Pembolehubah konteks melibatkan pembolehubah yang hendak dikaji iaitu aliran, jantina, status ekonomi, dan lokasi sekolah. Hasil pula ialah melibatkan kesan daripada ujian iaitu pencapaian (skor) pelajar dalam pencapaian ujian bertulis jawi dan ujian lisan bacaan al-Qur'an.

Untuk keperluan kajian ini pengkaji telah mengubahsuai model tersebut dengan reka bentuk yang baru yang lebih sesuai dengan kajian ini, seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah:

Rajah 1.1 : Model Konseptual kajian



*Diubah suai dari Model Dunkin dan Biddle (1974).*

<sup>13</sup> Dunkin, M.J. & Biddle, B.J. (1974). *The Study of Teaching*, New York: Holt, Rhinehart and Winston Inc. h29

## Definisi Membaca

Kemahiran membaca adalah kebolehan untuk mengenal dan membunyikan huruf, membatang suku kata serta memahami apa yang dibaca. Harris dan Sipay (1980)<sup>14</sup> menyifatkan proses membaca sebagai satu proses mendapatkan interpretasi yang bermakna tentang lambang-lambang bercetak atau bertulis. Seseorang itu akan dapat memahami apa yang dibaca apabila berlaku interaksi antara pengamatannya tentang lambang-lambang yang dibaca, kebolehan berbahasa dan pengetahuan tentang alam sekeliling. Dallman (1978)<sup>15</sup> pula menyatakan bahawa membaca melibatkan pemahaman dan interpretasi idea yang dilambangkan menerusi tulisan. Sementara Gibson (1966)<sup>16</sup> pula menyatakan bahawa membaca adalah proses perwujudan komunikasi dan mendapat makna daripada lambang-lambang yang bercetak. Monroe (1964)<sup>17</sup> menerangkan bahawa membaca bukan sekadar menyebut perkataan tersebut malah perlu membuat interpretasi terhadap bahan yang terkandung dalam bacaan tersebut. Jika seseorang itu membaca secara mekanikal sahaja dia tidak akan merasa seronok untuk membaca. Monroe telah membahagikan proses membaca kepada empat komponen iaitu: i) Persepsi huruf, ii) Karangan-karangan idea yang dipersembahkan dalam bentuk perkataan iii) Tindak balas dari idea-idea dalam bahan yang bacaan, iv) Asimilasi atau intergrasi idea dengan pengetahuan atau pengalaman. Thondike (1969)<sup>18</sup> pula memberi definisi membaca sebagai sesuatu yang kompleks dan memerlukan pertimbangan bagi setiap huruf dalam sesuatu ayat, mencipta hubungan antara ayat dengan ayat yang lain, memilih dan membuang sesuatu konotasi serta memerlukan kerjasama sebagai sesuatu pasukan bagi

<sup>14</sup> Harris, A.J. & Sipay, E.R. (1980). *How to Increase Reading Ability*, New York: Longman Inc., h.8.

<sup>15</sup> Dallman, M.& Others (1978), *The Teaching of Reading*, New York: Hort, Rinehart and Winston., h.19.

<sup>16</sup> Gibson, E.J. (1966), *Experimental Psychology of Learning to Read in The Disable Reader*. Baltimore: John Hopkins University Press., h.16.

<sup>17</sup> Monroe (1964), dlm Kamarudin Hj Husin (2001), *Keupayaan Pemahaman Membaca Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Di Negeri Melaka*, Tesis Ph.D., Universiti Kebangsaan Malaysia., h.31.

<sup>18</sup> Thondike (1969), dlm Kamarudin Hj Husin (2001)., *ibid*.

memperolehi tindak balas terakhir supaya dapat memahami apa yang tersirat dan apa yang tersurat.

Membaca memerlukan pemikiran yang aktif daripada pihak pembaca. Penyelidik-penyelidik seperti Artley (1966),<sup>19</sup> Niles (1963)<sup>20</sup> dan Russell (1972)<sup>21</sup> berpendapat bahawa peringkat-peringkat pemikiran yang berlaku dalam kepala seseorang semasa membaca adalah seperti berikut:

1. Peringkat literal: Peringkat membuat pengamatan tentang bentuk, bunyi, dan makna perkataan.
2. Peringkat interpretasi: Peringkat mengaitkan dan menterjemahkan lambang-lambang kepada makna.
3. Peringkat penilaian: Peringkat memberi tindak balas terhadap apa yang dibaca berdasarkan pengetahuan yang sedia ada.
4. Peringkat Asimilasi: Peringkat membuat penafsiran terhadap apa yang disimpan.

Goodman dan Gray (1970) menganggap bahawa kanak-kanak itu sudah boleh membaca jika ia boleh menyebut huruf dengan bunyi atau namanya dengan betul. Goodman (1970) menegaskan pentingnya kanak-kanak itu memahami apa yang dibacanya. Gray pula berpendapat bahawa seorang kanak-kanak itu dikatakan boleh membaca ialah seorang yang bukan sahaja memahami maksud bahan yang dibaca tetapi berupaya mengaitkan benda yang dibaca dengan apa yang telah diketahuinya atau yang sedia ada dalam pengalaman pembaca. Gray dan Goodman telah membuat rumusan bahawa seorang boleh membaca sepatutnya boleh mengenal bentuk-bentuk huruf dan perkataan juga boleh mengaitkan bunyi-bunyi tertentu dengan huruf-huruf yang bergabung. Gray telah membahagikan kemahiran membaca kepada tiga peringkat iaitu peringkat kemahiran asas (*elementary skills*),

<sup>19</sup> Artley, A.S. (1966), *Reading: Seventy-Five Years of Progress*, Chicago: University of Chicago Press., h. 56.

<sup>20</sup> Niles, O.S. (1963), *Comprehension Skills, Reading Teacher*, h.2-7.

<sup>21</sup> Russel, D.H.(1972), *Contribution of Reading to personel Development*, Dlm James Duggins (ed.), *Teaching Reading For Human Values in High School*, Ohio: Charles F. Merrill, Colombus., h.12.

kemahiran pertengahan (intermediate skills) dan kemahiran kefahaman (comprehensive skills).<sup>22</sup>

Smith (1971)<sup>23</sup> juga bersetuju bahawa kefahaman membaca berlaku dalam peringkat yang berlainan. Peringkat-peringkat ini diberi pelbagai nama oleh orang yang berlainan tetapi ramai yang menggunakan perkataan *literal*, *interpretif* atau *inferens* dan *aplikasi* untuk membezakan peringkat-peringkat itu. Dallman (1970)<sup>24</sup> pula menerangkan peringkat-peringkat ini dengan membaca barisan (reading the lines), membaca antara barisan (reading between the lines), membaca melampaui barisan (reading beyond the lines). Strain (1976)<sup>25</sup> mengatakan setiap peringkat kefahaman dapat dinyatakan atau dibezakan mengikut jenis tingkah laku yang ditunjukkan oleh seseorang individu sebagai tindak balas kepada bacaan.

Peringkat kefahaman literal ialah peringkat yang dicapai oleh pembaca apabila ia sedar akan maklumat atau pendapat yang hendak dikemukakan dalam sesuatu bahan bacaan. Pada peringkat kefahaman literal pembaca menunjukkan reaksi bahawa dia faham apa yang dibaca dan perkara yang diperkatakan oleh penulis. Diperingkat kefahaman bacaan yang disebut inferens atau interpretif mengikut Strain, pembaca menunjukkan dalam reaksinya yang ia tahu apa yang dikatakan oleh penulis dan memperoleh makna daripada kenyataan-kenyataan penulis. Pembaca berjaya mendapatkan makna yang dibayangkan atau mentafsir makna berkaitan dengan mesej.

Seterusnya Strain (1976)<sup>26</sup> menjelaskan peringkat kefahaman aplikasi, pembaca menggunakan pengetahuan tentang apa yang diperkatakan oleh penulis (peringkat literal) dan pemahaman tentang kepentingan

<sup>22</sup> Goodman, K.S. (1970), *Psycholinguistic Universals In The reading Process*, Journal Of Typographic Research, V4, h126- 135

<sup>23</sup> Smith, F. (1971), *Understanding Reading*, New York: Rinehart dan Winston, h89

<sup>24</sup> Dallman, M. & Others (1978), *The Teaching of Reading*, New York: Holt, Rinehart and Winston., h23-32

<sup>25</sup> Strain L.B. (1976), *Accountability In Reading Instruction*, Columbus, Ohio: Charles E. Merrill Publishing Co., h67-70

<sup>26</sup> *Ibid.*

yang telah diperkatakan (peringkat interpretif atau inferens) untuk membuat aplikasi daripada kefahaman bacaan dan daripada idea baru yang diperolehi. Kefahaman bacaan di peringkat aplikasi ini meliputi tingkah laku yang dijangka, hasil daripada bacaan kritikal dan bacaan kreatif.

Kenedy pula mentafsirkan proses membaca sebagai satu keupayaan seseorang untuk mengecam bentuk visual (lambang-lambang yang mewakili bahasa atau perkataan) menghubungkan bentuk itu dengan bunyi atau makna yang telah diketahui, berasaskan pengalaman lepas untuk memahami dan menerangkan maksudnya. Anderson (1979)<sup>27</sup> menganggap bacaan sebagai satu proses mengenal dan menterjemahkan simbol-simbol bahasa yang kemudiannya melibatkan proses berinteraksi dengannya. Interaksi ini berlaku dalam bentuk seperti berikut;

1. Penerimaan atau penolakan sesuatu idea yang dikemukakan
2. Penghayatan bahasa itu sendiri
3. Penyimpanan fakta-fakta
4. Perasaan atau inspirasi
5. Memberi dorongan untuk membolehkan tindakan yang seterusnya diambil sama ada positif atau negatif.

Kesimpulannya membaca adalah satu proses yang kompleks. Dalam proses itu pembaca merupakan seorang pengguna bahasa mencuba sedaya upaya menyusun semula maklumat yang terkandung dalam teks yang dibacanya itu. Jadi tepatlah jika dikatakan bahawa membaca adalah satu proses kognitif yang wujud daripada gabungan antara maklumat yang berpunca daripada teks dan maklumat yang berpunca daripada membaca.

---

<sup>27</sup> Anderson, J.C. (1979), *The Cloze Procedure And Proficiency In English As A Foreign Language*, TESOL Quarterly 2(6), h219-226

## Keupayaan Membaca Al-Qur'an

Abdul Halim (1991)<sup>28</sup> menyatakan membaca al-Qur'an adalah membaca kalam Allah S.W.T yang mesti dibaca dengan betul dari makhraj dan tajwidnya supaya tidak terpesong maknanya. Tuntutan kepada kemahiran membaca al-Qur'an merupakan tuntutan Fardu 'Ain iaitu kewajipan ke atas individu muslim yang mesti dilaksanakan kerana kesempurnaan bacaan al-Qur'an itu ada hubungan rapat dengan tuntutan kesempurnaan ibadah solat.

Ismail (1985)<sup>29</sup> mengatakan membaca al-Qur'an adalah tidak sama dengan membaca buku-buku lain kerana membaca al-Qur'an memerlukan faham maksud ayat dan perlu meneliti, memerhati dan mengkaji sedalam-dalamnya sebagaimana yang telah di dilakukan oleh ulamak-ulamak terdahulu. Mereka mengkaji dan menyelidik lafaz-lafaz dan maksud ayat sehingga dapat mengeluarkan kaedah-kaedah yang penting. Ini menunjukkan bahawa kitab suci al-Qur'an itu adalah kitab yang perlu dibaca, difahami dan diteliti hukum-hukum yang terkandung di dalamnya serta dihayati dan diamalkan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan.

Haron Din (1992)<sup>30</sup> menyebut bahawa membaca al-Qur'an bermaksud membaca kalam Allah S.W.T. yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. dengan perantaraan Malaikat Jibril yang ditulis dalam *mashaf* yang disampaikan kepada kita dengan cara mutawatir dan menjadi ibadah setiap orang yang membacanya.

Membaca al-Qur'an bukanlah seperti membaca karya ciptaan manusia. Karya ciptaan manusia jika dibaca pembacanya dapat menambahkan pengetahuan dan maklumat sahaja, tetapi membaca al-Qur'an pembacanya dapat memahami isi, menambahkan pengetahuan dan maklumat serta mendapat pahala yang banyak daripada Allah.

---

<sup>28</sup> Abdul Halim El-Muhammady (1991). *Pendidikan Islam, Falsafah disiplin dan Peranan Pendidik*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Salam., h.93.

<sup>29</sup> Ismail Ibrahim (1997), *Kajian Semula Kurikulum Pendidikan Islam Perlu*, Berita Harian, 7 Februari 1997.

<sup>30</sup> Haron Din (1992), *Tasawwur Islam*, Shah Alam: Penerbit Hizbi.,h.99.

Untuk memperolehi segala faedah dan kelebihan-kelebihan di atas al-Qur'an mesti dibaca dengan kaedah atau *kaifiyah* yang tertentu yang menjadi amalan ulamak-ulamak dan mereka yang ahli dalam bacaan al-Qur'an. Muhammad 'Arabi (1994)<sup>31</sup> mengutarakan tiga *kaifiyah* dalam bacaan al-Qur'an iaitu: *Tartīl*, *Tadwīr*, *Ḥaḍār*.

### 1. Bacaan *Tartīl*

Pengarang kitab *Tamhid* menyatakan *Tartīl* adalah *maṣḍar* (nama terbitan) dari kata kerja '*rattala*' (رَتَّلَ). Kalimah ini membawa maksud membaca dengan terang, lemah lembut, perlahan dan tidak tergapoh gapah. (Muhammad 'Arabi, 1994).<sup>32</sup> Sementara Husni Sheikh Othman (1974)<sup>33</sup> pula menyebut :

*“Tartīl adalah lafaz yang meliputi kalimah Tahqīq, ḥaḍār dan tadwīr. Terkandung juga di dalamnya pengertian tajwīd dan hukum-hakam yang berkaitan dengannya serta memperelokkan penyebutan lafaz-lafaznya dengan suara yang baik mengikut kemampuan seseorang disamping memelihara waqaf dan ibtidā’”*.

*Al-Tartīl* adalah nama khusus kepada bacaan al-Qur'an. Bacaan al-Qur'an secara *tartīl* adalah bacaan yang bernilai tinggi dan bacaannya bukan hanya sekadar mengetahui dan memahami hukumnya sahaja tetapi juga perlu diusahakan dan diketemukan bacaan yang tepat dan perkara ini perlu dilakukan pada awal zaman kanak-kanak lagi.<sup>34</sup>

Jelasnya bacaan tartil mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri meliputi perkara-perkara berikut:

<sup>31</sup> Muḥammad 'Arabi al-Qabbāni (1994), *Kayfiyyah al-Mustafīd fī 'Ulūm al-Qirā'āt wa al-Tajwīd*, (terj. Ahmad Muhammad Abdul Ghaffar), Kuala Lumpur: Penerbit Kintan Sdn.Bhd., h.10.

<sup>32</sup> *Ibid*

<sup>33</sup> Husni Sheikh Othmān (1974), *Ḥaq al-Tilāwah*, Udan: Maktabah al-Manār., h.37.

<sup>34</sup> Nik Jaafar Nik Ismail (1998), *Qawā'id al-Tarannum*, Kuala Lumpur: Dar al-Fikr., h154

- i. Tenang dan tidak gopoh gapah
- ii. Memelihara setiap hukum-hukum tajwid dan *waqaf ibtidā'*
- iii. Membaca dengan suara yang baik (*taḥsīn al-Ṣaut*) dan *Tazyīn* yang sesuai (taranum)

## 2. Bacaan *Tadwīr*

Husni Sheikh Othman (1974)<sup>35</sup> mentakrifkan *tadwīr* dengan: *bacaan pertengahan antara Tahqīq dan ḥaḍar*. Sementara Muhammad 'Arabi (1994)<sup>36</sup> mendefinisikannya sebagai bacaan yang kelajuannya di antara *Tartīl* dan *ḥaḍar* yakni tidak membaca terlalu perlahan dan tidak terlalu laju dari bacaan *ḥaḍar*.

Jelasnya bacaan *tadwīr* ialah bacaan sederhana iaitu tidak terlalu cepat dan tidak terlalu lambat, kedudukannya adalah di antara bacaan *ḥaḍar* dan bacaan *tartīl* disamping menjaga segala hukum -hukum *tajwīd* yang terkandung di dalamnya.

## 3. Bacaan *Ḥaḍar*

Muhammad 'Arabi (1994)<sup>37</sup> menyebut bahawa *ḥaḍar* ialah mempercepatkan bacaan tetapi tetap menjaga hukum-hukum *tajwīd* dan seperti menjaga panjang pendeknya, *waqaf* dan *wasalnya* dengan tepat. Ciri-ciri bacaan *ḥaḍar* meliputi:

- i. Cepat bacaannya.
- ii. Memelihara hukum-hukum *tajwīd*.
- iii. Sebutan huruf dan ayat menjadi fasih dan pantas.
- iv. Mencukupkan bacaan *mad* dan *ghunnahnya*.

Walaupun bacaan *ḥaḍar* adalah bacaan yang laju namun ia tidak boleh melebihi kelajuan yang ditetapkan sehingga bertentangan dengan

<sup>35</sup> Husni Sheikh Othman (1974), *op.cit.*, h.36.

<sup>36</sup> Muhammad Arabi (1994), *op.cit.*, h.10

<sup>37</sup> *Ibid.*

kaedah *ḥaḍar*. Jika hal ini berlaku bacaan tersebut disebut bacaan *hazramah* (هزرمه) yang dilarang oleh Allah S.W.T. (75:16-18)

Membaca al-Qur'an merupakan satu kemahiran yang wajib dimiliki oleh setiap individu muslim. Seseorang itu dikatakan mempunyai kemahiran membaca apabila beliau telah terlatih dalam bacaan tertentu iaitu dapat membacanya dengan baik dan lancar.<sup>38</sup> Bagi menguasai bacaan al-Qur'an yang betul dan tepat proses pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an perlu dilakukan secara *talaqqī* dan *mushāfahah*. Perkataan *talaqqī* menepati maksud berjumpa atau berhadapan dan maksud *mushāfahah* ialah bercakap dengan seseorang secara berhadapan.<sup>39</sup> Oleh itu proses yang berlaku semasa Rasulullah menerima wahyu ialah Jibril membaca ayat-ayat al-Qur'an terlebih dahulu sambil Rasulullah mendengarnya, kemudian Rasulullah pula memperdengarkan bacaannya kepada Jibril. Situasi ini berlaku dalam peristiwa penurunan wahyu pertama di Gua Hira'.

Pembelajaran al-Qur'an secara berkesan begitu penting kerana bacaan al-Qur'an melibatkan hukum di mana seseorang yang membacanya dengan salah adalah dianggap berdosa bersesuaian dengan tuntutan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia menetapkan supaya kemahiran membaca al-Qur'an diajar di sekolah-sekolah di Malaysia melalui mata pelajaran Pendidikan Islam. Melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dinyatakan dengan jelas objektif pengajaran Tilawah al-Qur'an iaitu di antaranya:<sup>40</sup>

- i. Membaca ayat-ayat terpilih daripada al-Qur'an dengan betul, fasih, mahir dan bertajwid untuk memperkukuhkan minat dan amalan membaca al-Qur'an.

<sup>38</sup> Zainal Abidin Abdul Kadir (1990), *Pendidikan al-Quran: Satu Strategi Ke Arah Melahirkan Generasi al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Muktamar Pusat Islam

<sup>39</sup> Muṣṭafā, Sheikh Ḥusīn Ṣabāḥ (1996), Muḥādharah fī Ṭuruq Tadrīs Mādah al- Tajwīd, *Jurnal Instituit Pengajian Tahfiz al-Quran*, Bahagian Hal Ehwal Islam. Jabatan Perdana Menteri, h79-83

<sup>40</sup> Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia, (2002)

- ii. Menghafaz ayat-ayat al-Qur'an yang terpilih untuk menambah bacaan dalam dan amalan ibadah harian.
- iii. Memahami maksud beberapa ayat al-Qur'an dan hadis yang dipelajari serta menghayati pengajarannya sebagai sumber hukum dan panduan mukmin.

### **Kaedah Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan. Responden kajian dipilih secara purposif terdiri daripada 320 orang pelajar tingkatan empat lelaki dan perempuan dari aliran sastera dan sains yang datang dari pelbagai tahap sosio-ekonomi yang belajar di sekolah menengah bandar dan luar bandar. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik, ujian bertulis dan ujian lisan bacaan al-Qur'an. Data yang dipungut dianalisis dengan menggunakan package SPSS versi 11.5 (Statistical Package for Social Science) bagi mendapatkan keputusan keseluruhan prestasi bacaan al-Qur'an responden dan mengenal pasti sama ada terdapat atau tidak perbezaan dan hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar.

Kajian ini menggunakan dua bentuk analisis data iaitu analisis statistik deskriptif dan analisa statistik inferensi. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menganalisa pencapaian pelajar yang melibatkan pengiraan kekerapan, peratus, purata (min), median, mod, skor minimum, skor maksimum, julat, dan sebagainya berdasarkan hasil ujian. Analisis bentuk kedua ialah analisis inferensi. Fungsi utama statistik inferensi ialah untuk membuat satu anggaran tentang satu indeks populasi dengan menggunakan satu indeks statistik daripada satu sampel yang representatif. Dengan menggunakan indeks statistik daripada sampel tersebut kesimpulan boleh dibuat tentang sifat sesuatu populasi. Ia melibatkan pengiraan ujian-t, Anova, korelasi dan pengujian hipotesis.

## Dapatan Kajian

### Apakah tahap keupayaan bacaan al-Qur'an di kalangan pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah kini secara keseluruhannya?

Berdasarkan analisis keseluruhan yang telah dijalankan, didapati tahap bacaan al-Qur'an di kalangan pelajar yang dikaji tidaklah berada pada tahap yang terlalu lemah. Walaubagaimanapun, kelemahan dan ketidakupayaan sebilangan pelajar untuk membaca al-Qur'an dengan baik dan lancar sebenarnya memang wujud. Pengiraan statistik deskriptif menunjukkan bahawa skor min bagi keseluruhan 320 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini ialah 52.9 dengan sisihan piawainya ialah 42.0. Nilai ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini mempunyai tahap bacaan yang memuaskan. Prestasi keseluruhan bacaan al-Qur'an pelajar dapat dijelaskan dengan lebih sempurna melalui jadual 1 yang berikut:

JADUAL 1: Prestasi Bacaan al-Qur'an Bagi Keseluruhan Pelajar.

Statistik (n= 320)	Prestasi Keseluruhan Pelajar
Min	52.9
Median	81.7
Sisihan Piawai	42.1
Skor Minimum	.00
Skor Maksimum	93.0
Julat	93.0

### Apakah tahap keupayaan bacaan al-Qur'an di kalangan pelajar tingkatan empat berdasarkan *faṣāḥah*, hukum *nūn sākinah*, hukum *mad*, hukum *mīm sākinah*, hukum *wājib al-ghunnah* dan hukum *alif lām*?

Berdasarkan analisis statistik deskriptif yang dijalankan didapati nilai yang diperolehi bagi setiap aspek kajian yang termasuk dalam kajian ini ialah: *Faṣāḥah*= M (41.4), SD (34.8), *Nūn Sākinah*= M (51.3), SD (40.9), *Mad*= M (51.8), SD (41.2), *Mīm Sākinah*= M (54.0), SD (42.8), *Wājib al-Ghunnah*= M (58.9), SD (46.9) dan Hukum *alif lām*= M (59.9), SD(47.5). Nilai ini menunjukkan bahawa responden kajian mempunyai tahap bacaan yang memuaskan pada setiap dimensi

hukum yang telah ditetapkan. Hal ini diperlihatkan di dalam jadual 2 di bawah:

JADUAL 2: Tahap Bacaan al-Qur'an Keseluruhan Berdasarkan Hukum-Hukum Bacaan.

Aspek Hukum	Min	Sisihan Piawai	Tahap Bacaan	Gred
<i>Faṣāḥah</i>	41.4	34.8	Memuaskan	C
<i>Nūn Sākinah</i>	51.3	40.9	Memuaskan	C
<i>Mad</i>	51.8	41.2	Memuaskan	C
<i>Mīm Sākinah</i>	54.0	42.8	Memuaskan	C
<i>Wājib al-Ghunnah</i>	58.9	46.9	Memuaskan	C
<i>Hukum alif lām</i>	59.9	47.5	Memuaskan	C

### Apakah tahap bacaan al-Qur'an pelajar berdasarkan aliran?

Kajian juga telah dilakukan ke atas pelajar aliran sains dan aliran sastera untuk meninjau prestasi mereka dalam bacaan al-Qur'an. Seramai 161 orang pelajar aliran sains dan seramai 159 orang pelajar aliran sastera telah dilibatkan dalam kajian ini. Di samping satu penemuan baru, kajian ini juga bertujuan untuk melihat keserasian hasil kajian ini dengan kajian-kajian terdahulu. Berikut ini diperlihatkan analisis statistik deskriptif yang telah dijalankan berdasarkan analisis dan perincian kepada pemboleh ubah aliran yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu aliran sains dan sastera.

JADUAL 3: Prestasi Bacaan al-Qur'an Keseluruhan Berdasarkan Pemboleh ubah Aliran

Statistik (n= 320)	Sains (n= 161)	Sastera (n=159 )
Min	72.4	30.2
Median	85.3	0.00
Sisihan Piawai	32.4	40.5
Skor Minimum	0.00	0.00
Skor Maksimum	93.0	92.2
Julat	93.9	92.3

### Adakah terdapat perbezaan tahap keupayaan pelajar berdasarkan aliran?

Untuk melihat perbezaan tahap bacaan al-Qur'an bagi kedua-dua kumpulan di atas analisis statistik ujian-t (Independent Samples Test) telah digunakan. Hasil ujian tersebut didapati signifikan perbezaan min pada tahap penguasaan bacaan al-Qur'an ialah,  $M= 72.40$ ,  $SD= 32.41$  bagi responden yang beraliran sains dan  $M= 30.24$ ,  $SD= 40.52$  bagi responden yang beraliran sastera, dengan nilai  $t= 10.13$ ,  $Sig= 0.000 < 0.05$ . Nilai ini menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan tahap bacaan al-Qur'an di kalangan responden yang berlainan aliran. Jika diperhatikan pada nilai Min bagi setiap kumpulan, didapati bahawa Min bagi kumpulan responden yang beraliran sains lebih tinggi daripada Min kumpulan responden yang beraliran sastera. Ini memberikan implikasi bahawa responden yang beraliran sains mempunyai tahap bacaan al-Qur'an yang lebih baik berbanding dengan responden yang beraliran sastera. Perkara ini diperlihatkan dalam jadual 4 seperti di bawah:

JADUAL 4: Analisis Ujian-t Perbezaan Tahap Bacaan al-Qur'an Berdasarkan Aliran.

Kumpulan	N	Min	SP	Nilai-t	Df	Sig. (2 tailed)
Sains	161	72.4	32.4	10.13	278.44	0.000
Sastera	159	30.2	40.5			

\*Signifikan pada aras keertian  $p < 0.05$

### Apakah Tahap bacaan al-Qur'an pelajar berdasarkan Jantina?

Kajian ini juga dijalankan berdasarkan pembolehubah jantina. Ia melibatkan seramai 162 orang pelajar lelaki dan 158 orang pelajar perempuan yang belajar di tingkatan empat dalam aliran sains dan sastera di sekolah-sekolah yang dikaji. Berbanding dengan kajian-kajian terdahulu kajian ini telah menetapkan saiz sampel yang lebih

sesuai untuk menggambarkan prestasi pelajar yang sebenar. Analisis keseluruhan prestasi bacaan al-Qur'an responden mengikut jantina adalah seperti berikut:

**JADUAL 5: Prestasi Bacaan al-Qur'an Berdasarkan Pembolehubah Jantina**

<b>Statistik (n= 320)</b>	<b>Pelajar lelaki (n= 162 )</b>	<b>Pelajar Perempuan (n=158 )</b>
Min	48.4	57.4
Median	77.2	83.4
Sisihan Piawai	42.5	41.1
Skor Minimum	0.00	0.00
Skor Maksimum	92.8	93.0
Julat	92.8	93.0

**Adakah terdapat perbezaan tahap keupayaan pelajar berdasarkan jantina?**

Untuk melihat perbezaan tahap bacaan al-Qur'an bagi kedua-dua kumpulan di atas analisis statistik ujian-t (Independent Samples Test) telah digunakan. Daripada analisis t-test yang dijalankan mendapati bahawa  $M = 48.39$ ,  $SD = 42.53$  bagi responden lelaki dan  $M = 57.55$ ,  $SD = 41.09$  bagi responden perempuan, dengan nilai  $t = -1.94$ ,  $Sig = 0.054 > 0.05$ . Nilai ini menunjukkan tidak wujudnya perbezaan tahap bacaan al-Qur'an di kalangan responden lelaki dengan responden perempuan. Perkara ini diperlihatkan dalam jadual 4.7 seperti di bawah:

JADUAL 6: Analisis Ujian-t Perbezaan Tahap Bacaan al-Qur'an Berdasarkan Jantina

Kumpulan	N	Min	SP	Nilai-t	Df	Sig. (2 tailed)
Lelaki	162	48.39	42.53	-1.94	318	0.054
Perempuan	158	57.55	41.09			

\*Signifikan pada aras keertian  $P < 0.05$

### Apakah tahap bacaan al-Qur'an pelajar berdasarkan lokasi sekolah?

Seterusnya diperlihatkan pula analisis tahap keupayaan bacaan al-Qur'an pelajar berdasarkan pembolehubah lokasi sekolah. Seramai 147 orang pelajar yang bersekolah di bandar dan seramai 173 orang pelajar yang bersekolah di luar bandar telah dilibatkan dalam kajian ini. Berikut ini diperlihatkan analisis statistik deskriptif yang telah dijalankan berdasarkan analisis dan perincian kepada pemboleh ubah lokasi sekolah yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Keadaan sebenar prestasi bacaan pelajar berdasarkan lokasi sekolah dapat diringkaskan dalam jadual 5 di bawah:

JADUAL 7: Prestasi Bacaan al-Qur'an Berdasarkan Lokasi Sekolah

Statistik (n= 320)	Pelajar Bandar (n= 147 )	Pelajar Luar Bandar (n= 173)
Min	54.3	51.6
Median	84.2	79.2
Sisihan Piawai	42.3	41.9
Skor Minimum	0.00	0.00
Skor Maksimum	92.3	93.0
Julat	92.3	93.0

### Adakah terdapat perbezaan tahap keupayaan bacaan al-qur'an pelajar berdasarkan lokasi sekolah?

Untuk melihat perbezaan tahap bacaan al-Qur'an bagi kedua-dua kumpulan di atas analisis statistik ujian-t (Independent Samples Test) telah digunakan. Daripada analisis t-test yang dijalankan mendapati bahawa  $M = 54.3$ ,  $SD = 42.3$  bagi pelajar bandar dan  $M = 51.6$ ,  $SD = 41.9$  bagi pelajar daripada lokasi sekolah luar bandar, dengan nilai  $t = .58$ ,  $Sig = 0.563 > 0.05$ . Nilai ini menunjukkan tidak wujudnya perbezaan tahap bacaan al-Qur'an di kalangan pelajar yang bersekolah di bandar dengan pelajar yang bersekolah di lokasi luar bandar. Perkara ini diperlihatkan dalam jadual 4.15 seperti di bawah:

JADUAL 8: Analisis Ujian-t Perbezaan Tahap Bacaan al-Qur'an Berdasarkan Lokasi Sekolah

Kumpulan	N	Min	SP	Nilai-t	Df	Sig. (2 tailed)
Bandar	147	54.3	42.3	.578	318	0.0563
L/Bandar	173	51.6	41.9			

\*Signifikan pada aras keertian  $P < 0.05$

### Apakah tahap bacaan al-Qur'an pelajar berdasarkan tahap sosio-ekonomi?

Analisis berdasarkan tahap sosioekonomi melibatkan kajian terhadap pekerjaan dan pendidikan Ibubapa para pelajar. Mereka kemudian dikelompokkan ke dalam tiga kategori iaitu pelajar yang datang daripada keluarga yang status ekonomi mereka tinggi, sederhana dan rendah. Daripada 320 orang pelajar yang terlibat di dalam kajian ini, seramai 30 orang pelajar adalah daripada keluarga yang sosioekonomi tinggi, 94 orang pelajar daripada keluarga sosioekonomi sederhana dan 196 orang pelajar daripada keluarga yang status sosioekonomi rendah. Seperti kumpulan pelajar lain, mereka telah diminta menjawab soalan-soalan ujian bertulis dan lisan untuk menentukan tahap keupayaan bacaan al-Qur'an mereka.

Daripada kajian yang telah dijalankan didapati skor min bagi 30 orang pelajar yang sosioekonomi tinggi ialah 64.9 dengan sisihan piawainya sebanyak 37.5. Nilai titik tengahnya ialah 84.0. Skor minimum yang diperolehi oleh kumpulan ini 0.00 dan skor maksimumnya ialah 92.5. Julat antara markah tertinggi dan terendah ialah 92.5. Bagi kumpulan pelajar yang status sosioekonominya sederhana, didapati skor min yang diperolehi oleh kumpulan ini ialah sebanyak 55.6 dengan sisihan piawainya sebanyak 41.3. Skor minimum yang diperolehi 0.00 dan skor maksimumnya sebanyak 92.8. Julat antara skor tertinggi dengan markah terendah ialah 92.8. Bagi kumpulan yang datang dari keluarga sosio-ekonomi rendah skor min yang diperolehi ialah 50.5 dengan sisihan piawainya ialah 42.6. Skor minimum yang diperolehi ialah 0.00 dan skor maksimumnya sebanyak 93.0. Julat antara skor tertinggi dan terendah yang diperolehi ialah 93.0. Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa kumpulan yang status sosioekonomi keluarganya tinggi telah menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam bacaan al-Qur'an berbanding dengan kumpulan-kumpulan lain. Prestasi bacaan al-Qur'an pelajar berdasarkan pembolehubah tahap sosioekonomi dijelaskan di dalam jadual 9.

JADUAL 9: Prestasi Bacaan al-Qur'an Mengikut Tahap Sosioekonomi

<b>Statistik (n= 320)</b>	<b>Sosioekonomi Rendah (n=196)</b>	<b>Sosioekonomi Sederhana (n=94)</b>	<b>Sosioekonomi Tinggi(n=30)</b>
Min			
Median	50.5	55.6	64.9
Sisihan Piawai	80.4	81.3	84.0
Skor Minimum	42.6	41.3	37.5
Skor	0.00	0.00	0.00
Maksimum	93.0	92.8	92.5
Julat	93.0	92.8	92.5

### Adakah terdapat perbezaan tahap keupayaan bacaan al-qur'an pelajar berdasarkan tahap sosio-ekonomi ?

Untuk melihat perbezaan min bagi ketiga-tiga kumpulan di atas analisis ANOVA sehalah (Anaysis of variance) telah digunakan. Daripada analisis ANOVA Sehalah (Anaysis of variance) yang dijalankan, didapati bahawa JKD= 5367.21, MKD= 2683.61 (antara kumpulan) dan JKD= 547169.74, MKD= 1753.75 (dalam kumpulan), dengan nilai  $F= 1.53$ ,  $Sig= 0.218 > 0.05$ . Nilai ini menunjukkan tidak wujudnya perbezaan tahap bacaan al-Qur'an di kalangan responden berdasarkan tahap sosioekonomi. Sementara nilai Min bagi masing-masing kumpulan adalah;  $M= 50.50$ ,  $SD= 42.65$  (PLSER),  $M= 55.60$ ,  $SD= 41.32$  (PLSES) dan  $M= 64.87$ ,  $SD= 37.50$  (PLSET). Nilai-nilai ini memberikan implikasi bahawa masing-masing kumpulan (Pelajar SE rendah, Sederhana dan Tinggi) mempunyai tahap bacaan al-Qur'an yang hampir sama. perkara ini dapat diperjelaskan dalam jadual 4.20 di bawah:

JADUAL 10: Ujian ANOVA Perbezaan Tahap bacaan Al-Qur'an Berdasarkan SES

Sig	dk	JKD	MKD	F	
Antara Kumpulan	2	5367.21	2683.6	1.53	0.218
Dalam Kumpulan	312	547169.7	1753.75		
Jumlah	314	552536.95			

\*Signifikan pada aras keertian  $<0.05$ , DK: Darjah Kebebasan, JKD:Jumlah kuasa dua, MKD: Min kuasa dua.

### Apakah tahap kemahiran Jawi dikalangan pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah kini secara keseluruhannya?

Dari analisis statistik deskriptif yang dijalankan, skor min yang diperolehi oleh keseluruhan pelajar yang terlibat dalam kajian ini ialah 57.8. Manakala sisihan piawai yang diperolehi ialah 35.6. Nilai di atas menunjukkan bahawa pelajar yang dikaji mempunyai kebolehan jawi yang memuaskan. Perkara diperjelaskan dalam jadual 4.21 di bawah:

JADUAL 11 : Analisis Tahap Kebolehan Jawi Keseluruhan

(n=320)	Min	Sisihan Piawai	Tahap	Gred
	57.8	35.6	Memuaskan	C

### Adakah terdapat hubungan antara keupayaan bacaan al-qur'an dengan kemahiran jawi?

Berdasarkan analisis korelasi *pearson* yang dijalankan, nilai min kebolehan jawi keseluruhan pelajar yang dikaji ialah  $M= 57.84$ ,  $SD= 35$ . Sementara tahap bacaan al-Qur'an ialah  $M= 52.86$ ,  $SD= 42.01$ , dengan nilai  $r = 0.87$ ,  $r^2 = 0.76$  dan  $Sig= 0.00 < 0.01$ . Nilai ini menunjukkan wujudnya hubungan yang positif antara kebolehan jawi dengan tahap bacaan al-Qur'an. Nilai  $sig= 0.000$  memberikan implikasi bahawa semakin tinggi kebolehan jawi seseorang maka akan tinggi juga tahap bacaan al-Qur'annya. Jadual 4.13 menunjukkan hubungan antara kebolehan jawi dengan tahap bacaan al-Qur'an.

JADUAL 12: Ujian Korelasi Hubungan Kebolehan Jawi dengan Tahap Bacaan al-Qur'an

Pembolehubah N=320	Min	SD	r	r <sup>2</sup>	Sig
Jawi	57.84	35.58	0.87	0.76	0.000
Tahap Bacaan Al-Qur'an	52.86	42.01			

\*Signifikan pada aras 0.01

### Perbandingan Dapatan Kajian, Kesimpulan dan Cadangan

Masalah kelemahan pelajar dalam bacaan al-Qur'an memang sudah lama menjadi isu bidang Pendidikan Islam. Ia berlarutan sehingga kini dan belum selesai. walaupun memang sudah ada pelbagai penemuan yang telah diketengahkan oleh para pendidik dan pengkaji, namun masalah ini masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Pada setiap tahun masalah dan kelemahan inilah yang dianggap menjadi punca kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Pemaparan data yang telah dibentangkan memperlihatkan masalah dan kelemahan pelajar dalam bacaan al-Qur'an masih wujud. Kajian menunjukkan masih terdapat pelajar yang gagal dalam ujian bacaan al-Qur'an yang dijalankan dan tidak kurang juga yang mencapai tahap cemerlang. Walaupun pada keseluruhannya peratus kelulusan yang diperolehi agak besar namun kualiti bacaan berdasarkan hukum-hukum bacaan yang ditetapkan masih tidak dapat dibanggakan. Pengiraan statistik menunjukkan bahawa daripada 320 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini, seramai 171 orang pelajar (53.4 %) mencapai tahap cemerlang, 25 orang pelajar (7.8%) mencapai tahap baik, 2 orang pelajar (0.6%) mencapai tahap lemah dan 122 orang pelajar (38.1%) berada pada tahap yang mengecewakan dan gagal iaitu sangat lemah. Tahap yang sangat lemah ini sebenarnya daripada segi bacaan al-Qur'an menggambarkan ketidakmampuan pelajar membaca al-Qur'an keseluruhannya atau dengan bahasa yang mudah ialah "buta al-Qur'an".

Ini bermakna masalah dan kelemahan yang dihadapi oleh pelajar dalam aspek bacaan al-Qur'an masih berterusan. Jumlah yang besar (38.7%) dikalangan pelajar yang tidak berkemampuan membaca al-Qur'an ini seolah-olah menunjukkan tidak ada perubahan selama ini pada tahap bacaan al-Qur'an di kalangan pelajar walau pun pada hakikatnya pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengatasi masalah tersebut.

Kita tidak boleh berbangga dengan tahap pencapaian 61.2 % pelajar yang lulus dalam ujian lisan itu. Walaupun pada zahirnya peratus itu agak tinggi (lebih dari separuh) namun pada hakikatnya jika dilihat dari segi mutu bacaan pelajar ini tidaklah begitu memuaskan. Hasil penemuan menunjukkan bahawa mutu pencapaian bacaan pelajar berdasarkan aspek hukum-hukum bacaan yang ditetapkan di dalam kajian ini hanya lah berada pada tahap memuaskan. Ini bermakna tidak ada pelajar yang mencapai tahap cemerlang atau tahap baik dalam semua aspek hukum-hukum bacaan yang dikaji tetapi sebaliknya hanya pada tahap sederhana sahaja.

Daripada apa yang ditemui di atas, secara umumnya, menunjukkan tahap keupayaan bacaan al-Qur'an di kalangan pelajar berada pada tahap yang membimbangkan. Tahap bacaan pelajar yang berada pada tahap sederhana dalam semua aspek hukum-hukum bacaan yang dikaji menggambarkan tahap bacaan al-Qur'an pelajar masih rendah dan lemah, dan ia masih memerlukan kepada peningkatan dan pembaikan. Jika tidak ditangani dengan bijaksana dan bersungguh-sungguh dibimbangi akan memberi kesan yang buruk kepada pembelajaran Pendidikan Islam keseluruhannya. Perkara ini juga tidak boleh dianggap kecil kerana bacaan al-Qur'an yang tepat dan betul dari segi hukum-hukum bacaan yang ditetapkan menentukan sah batalnya ibadah seseorang muslim.

Kajian ini menyokong kajian-kajian yang lepas, di antaranya kajian yang dibuat oleh Maimunah Ismail (1995)<sup>41</sup>, Ahmad Abdul Ghani (1997)<sup>42</sup>, Mohd Yusuf Ahmad (1997)<sup>43</sup>, Farehan bt Mohd Hani (2000)<sup>44</sup>, Siti Fatimah bt Sudin (2000)<sup>45</sup> yang semuanya merumuskan bahawa pelajar-pelajar di sekolah masih lemah dalam penguasaan bacaan al-Qur'an. Kelemahan penguasaan bacaan al-Qur'an ini juga pernah didedahkan oleh Zainal Abidin Ahmad (1995)<sup>46</sup>, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ketika berucap menutup Majlis Tilawah al-Qur'an peringkat negeri Selangor antara lain menurut beliau:

“Penemuan hampir 60 peratus pelajar Islam kini tidak boleh membaca al-Qur'an adalah amat membimbangkan”  
(Utusan Malaysia, 10 Jan 1995)

Berikutan kelemahan pelajar dalam menguasai bacaan al-Qur'an tersebut berbagai usaha telah dibuat baik di peringkat sekolah maupun di peringkat Kementerian sendiri. Tidak kurang juga cadangan dan saranan dari pelbagai pihak termasuklah ahli-ahli dan tokoh pendidik sendiri. Diantara cadangan yang dianggap berkesan dalam mengatasi masalah ini ialah memperkenalkan membaca dan menghafaz al-Qur'an sebagai satu mata pelajaran dalam kurikulum pendidikan negara.

<sup>41</sup> Maimunah Ismail (1995), *op.cit.*

<sup>42</sup> Ahmad Abdul Ghani (1997), *op.cit.*

<sup>43</sup> Mohd Yusuf Ahmad (1997), *op.cit.*

<sup>44</sup> Farehan bt Mohd Hani (2000), *op.cit.*

<sup>45</sup> Siti Fatimah bt Sudin (2000), *op.cit.*

<sup>46</sup> Zainal Abidin Ahmad (1995), *op.cit.*

Cadangan ini bertujuan menjadikan generasi muda Islam masa kini dapat menyerap unsur-unsur positif yang terkandung dalam al-Qur'an kerana melalui ilmu-ilmu al-Qur'anlah mereka dapat membezakan perbuatan baik dan buruk serta yang dilarang. Cadangan pelaksanaan program ini dilaksanakan disemua institusi pendidikan rendah, menengah dan pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini sebagai persediaan melahirkan umat Islam yang berminda al-Qur'an pada tahun 2020.

Seterusnya hasrat yang murni ini telah diambil perhatian berat oleh Perdana Menteri Malaysia sendiri iaitu Dato Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Semasa beliau melawat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada 30 Disember 2003 beliau telah mencetus idea "Memperkasakan Pendidikan Islam" melalui al-Qur'an, Bahasa Arab, Jawi dan Perkara-Perkara asas fardu 'ain. Cetusan idea ini kemudiannya telah diperhalusi di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia melalui satu seminar pada 3 hingga 5 Mac 2004. Hasil seminar ini satu program baru telah dihasilkan yang dikenali sebagai program j-QAF dimana YAB Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah bersetuju program ini dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2005.

Program j-QAF ini adalah satu usaha memperkasakan Pendidikan Islam (PI) melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, al-Qur'an, Bahasa Arab dan Fardu 'ain yang akan diperkenalkan di peringkat sekolah rendah. Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum serta model dan modulnya yang tersendiri iaitu:<sup>47</sup>

1. Model Kelas Pemulihan Jawi.
2. Model *Tasmī'*.
3. Model Khatam Qur'an 6 bulan.
4. Model Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi.
5. Model Kem Bestari Solat.

Pelaksanaan program ini adalah bertepatan dengan masa dan ketikanya sebagai satu usaha memperkasakan Pendidikan Islam yang

---

<sup>47</sup> Buku Panduan Dasar, *Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*, JAPIM (2004)

sedia ada supaya semua bidang Pendidikan Islam (PI) iaitu Tilawah al-Qur'an, bidang aqidah, ibadah, sirah nabawiyah, akhlak dan jawi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan dapat dihayati serta diamalkan dalam kehidupan seharian.

Al-Qur'an yang diajarkan di dalam Pendidikan Islam di sekolah sebelum ini hanya lah menekankan kebolehan membaca sahaja manakala aspek khatam tidak begitu ditekankan. Namun dengan pelaksanaan j-QAF ini ia menekankan pembelajaran al-Qur'an sehingga khatam melalui bimbingan guru yang berterusan yang dikhaskan dengan nisbah pelajar yang sesuai agar bertepatan dengan kaedah *talaqqi* dan *mushāfahah* yang menjadi kaedah asas dalam pendidikan al-Qur'an.

Berbalik kepada dapatan seterusnya di dalam kajian ini, iaitu daripada aspek kemahiran jawi. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran jawi dengan pencapaian dalam bacaan al-Qur'an di kalangan pelajar yang dikaji. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar yang berminat dan mempunyai prestasi yang baik dalam pelajaran jawi menunjukkan pencapaian yang tinggi dalam bacaan al-Qur'an. Dapatan ini berdasarkan analisis korelasi *pearson* yang dijalankan, nilai min kebolehan jawi keseluruhan pelajar yang dikaji ialah  $M= 57.84$ ,  $SD= 35$ . Sementara tahap bacaan al-Qur'an ialah  $M= 52.86$ ,  $SD= 42.01$ , dengan nilai  $r = 0.87$ ,  $r^2 = 0.76$  dan  $Sig= 0.00 < 0.01$ . Nilai ini menunjukkan wujudnya hubungan yang positif antara kebolehan jawi dengan tahap bacaan al-Qur'an. Nilai  $sig= 0.000$  memberikan implikasi bahawa semakin tinggi kebolehan jawi seseorang maka akan tinggi juga tahap bacaan al-Qur'annya.

Justeru itu dapatan kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Ghazali Hassan (1982)<sup>48</sup>, Amir Mohd Rashid

---

<sup>48</sup> Ghazali Hassan. (1982). *Perkembangan dan Kualiti Pengajaran Agama Islam di Sekolah Rendah dan Menengah di Malaysia*, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

(1991)<sup>49</sup>, Muhamad Endut (1992)<sup>50</sup>, yang menyatakan kelemahan dalam kemahiran jawi menyebabkan lemah juga dalam kemahiran bacaan al-Qur'an.

Oleh itu pelaksanaan menyeluruh j-QAF oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amatlah dinanti-nantikan. Penekanan j-QAF bukan sahaja kepada bacaan al-Qur'an bahkan juga kemahiran jawi menyedari kemahiran jawi dapat membantu dalam penguasaan bacaan al-Qur'an. Lantaran itu bersama j-QAF satu model khas untuk pelajaran telah digubal iaitu "Model Kelas Pemulihan Jawi" yang memberi penekanan kepada pelajar yang tercicir dalam menguasai jawi agar bimbingan yang berterusan dan berkesan dapat dilaksanakan.

Kajian dalam bidang keupayaan bacaan al-Qur'an sudah agak banyak telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Kajian-kajian yang dijalankan tersebut meliputi berbagai aspek termasuklah kajian mengenai tahap kemahiran membaca al-Qur'an, kemahiran menyebut hukum-hukum *tajwid* dan faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran membaca al-Qur'an. Pun begitu kajian-kajian yang lepas mempunyai kekuatan dan kelemahannya masing-masing.

Walaupun bagaimana pun kajian ini dirasakan mempunyai kelebihan tersendiri terutama dari segi saiz sampel yang besar dan pemilihan sampel yang representatif tentunya dapat digenerelisasikan dengan lebih sempurna. Penggunaan instrumen yang lebih tepat dan sempurna serta batasan kajian yang sesuai dengan kepelbagaian pembolehubah bebas yang ditetapkan di dalam kajian ini menambahkan lagi kelebihan dan keistimewaan kajian ini.

Walaupun telah banyak cadangan dan saranan serta tindakan yang diambil namun masalah kelemahan tahap bacaan al-Qur'an di kalangan pelajar masih berterusan dan berlanjutan. Pengkaji melihat sehingga

<sup>49</sup> Amir Mohd Rasyid (1991) *Masalah-Masalah Pengajaran Pendidikan Islam (KBSR) Satu Kajian Persepsi Guru-Guru Sekolah Rendah*. Tesis sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>50</sup> Muhamad Endut (1992), *Pendidikan Islam KBSM: Satu Kajian Tentang Masalah Pengajaran Di Sekolah-Sekolah Menengah di Negeri Johor*. Tesis sarjana, Fakulti Pendidikan, UKM.

kini masih belum ada penemuan yang memperlihatkan masalah ini sudah dapat diselesaikan. Oleh itu kajian ini cuba mengetengahkan sekali cadangan dan saranan yang membina untuk diteliti bersama dan dilaksanakan. Semoga tindakan ini memberi kesan yang positif dan seterusnya pengkaji berharap untuk melihat warganegara ini bebas dari masalah “buta al-Qur’an”.

Kajian ini dijalankan ke atas 320 orang pelajar dan tujuannya ialah untuk melihat prestasi keseluruhan tahap bacaan al-Qur’an pelajar yang terlibat di dalam kajian. Kajian ini juga dijalankan untuk meninjau sama ada terdapat atau tidak perbezaan tahap keupayaan bacaan al-Qur’an di antara pembolehkan bebas yang dibataskan kepada aliran, jantina, lokasi sekolah dan tahap sosioekonomi. Selain itu ia juga cuba melihat hubungan antara kemahiran jawi dengan tahap bacaan al-Qur’an pelajar. Ada banyak lagi aspek yang tidak dikaji untuk menjadikan kajian ini benar-benar sempurna dan lengkap. Oleh itu pengkaji cuba mencadangkan beberapa saranan dan cadangan untuk dibuat kajian susulan.

Tumpuan kajian yang berkaitan dengan keupayaan membaca al-Qur’an boleh diperluaskan lagi kepada aspek-aspek yang lebih mencabar. Selain dari prestasi dan perbezaan tahap keupayaan membaca di kalangan pelajar, kajian juga boleh dilakukan dengan meninjau minat, tanggapan, sikap, kelemahan aspek kurikulum, kepincangan sistem pendidikan, ketidakupayaan guru-guru dalam bidang pedagogi dan perkaedahan mengajar, kemudahan dan peluang-peluang belajar, mengesan punca, gejala dan sebagainya. Lebih mencabar sekiranya dapat dibuat perbandingan ke atas program dan kaedah pembelajaran dan pengajaran bacaan al-Qur’an di negara ini berbanding negara-negara islam yang lain terutama negara-negara arab sendiri.

Kajian ini melibatkan 320 orang pelajar lelaki dan perempuan yang datang dari pelbagai latar belakang sosioekonomi. Bilangan ini agak kecil untuk menggambarkan prestasi keseluruhan pelajar yang terdapat di negara ini. Oleh yang demikian sampel kajian dicadangkan supaya lebih menyeluruh dan pelbagai. Ini kerana penetapan saiz sampel yang sesuai membolehkan penggunaannya dianggap lebih menyeluruh dan

dapat mewakili populasi yang sebenar. Pemilihan dan penggunaan sampel yang betul dan mencukupi biasanya dapat memantapkan lagi kebolehpercayaan dan kesahan kajian. Hal ini akan mendatangkan keyakinan dan pengiktirafan yang lebih tinggi.

Kajian ini memilih negeri Terengganu dengan melibatkan lapan buah sekolah menengah terpilih. Pemilihan lokasi dan tempat kajian yang dilakukan dalam kajian ini kelihatan agak kecil skopnya, mungkin kurang berkesan untuk menggambarkan prestasi keseluruhan pelajar di negara ini. Dengan itu dicadangkan supaya kajian-kajian susulan menggunakan skop kawasan yang lebih luas. Seterusnya Kajian ini hanya tertumpu di Sekolah Menengah Kebangsaan sahaja. Oleh itu ia boleh diperluaskan kepada sekolah-sekolah menengah agama, sekolah-sekolah menengah Teknik, Sekolah menengah Sains dan sebagainya. Malah ia tidak seharusnya tertumpu di sekolah sahaja tetapi boleh diperluaskan lagi ke sekolah-sekolah Swasta, Maktab Rendah Sains Mara, Pusat Giat Mara dan seterusnya ke institusi pengajian tinggi. Lebih mencabar sekiranya kajian ini dapat dijalankan di kalangan pelatih-pelatih pusat serenti atau banduan-banduan di penjara.

Kajian ini juga hanya menggunakan sampel pelajar tingkatan empat sahaja. Justeru itu pelajar tingkatan selain tingkatan empat juga perlu dibuat kajian untuk melihat prestasi mereka dari masa ke semasa baik yang berada di sekolah rendah atau pun menengah. Dalam kajian ini pengkaji hanya menguji enam aspek kemahiran sahaja iaitu aspek *faṣāḥah*, hukum *nūn sākinah*, hukum *mad*, hukum *mīm sākinah*, hukum *wājib al-ghunnah* dan hukum *alif lām*. Kajian lanjut boleh juga dijalankan dalam aspek-aspek lain dalam kemahiran bacaan al-Qur'an seperti sifat huruf, *makhraj* huruf, *waqaf ibtidā'* dan berbagai aspek lagi berkaitan kemahiran membaca al-Qur'an.